

SHINALLERG Eye Drop

Tetrahydrozoline HCl, Antazoline HCl (0.4mg/ml, 0.5mg/ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

Risalah ini mengandungi informasi berikut:

1. Apakah kegunaan SHINALLERG EYE DROP.
2. Bagaimana SHINALLERG EYE DROP berfungsi.
3. Sebelum menggunakan SHINALLERG EYE DROP .
4. Cara menggunakan SHINALLERG EYE DROP .
5. Semasa menggunakan SHINALLERG EYE DROP .
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan SHINALLERG EYE DROP .
8. Maklumat lanjut
9. Alamat Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

Apakah kegunaan SHINALLERG EYE DROP

Ia digunakan untuk melegakan alahan / gejala (cth. Kemerahan, bengkak, kegatalan) mata.

Bagaimana SHINALLERG EYE DROP berfungsi

Antazoline merupakan antihistamine yang bantu melegakan kegatalan. Tetrahydrozoline merupakan sympathomimetic yang mengurangkan kemerahan dan bengkak mata. Apabila kedua-dua bahan digunakan, gejala alahan boleh dilegakan secara berkesan.

Sebelum Mengambil SHINALLERG EYE DROP

Bila tidak boleh mengambil

Jika anda alah kepada antazoline dan / atau tetrahydrozoline atau kepada mana-mana bahan-bahan daripada SHINALLERG EYE DROP. Jika anda memakai kanta sentuh, mereka perlu dikeluarkan dan tidak dimasukkan semula sekurang-kurangnya 15 minit.

Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor jika :

- Anda meningkat usia dan mempunyai tekanan darah tinggi, masalah pada jantung , masalah tiroid ataupun kencing manis.
- Anda mengandung atau menyusukan bayi.
- Anda mengalami masalah mata kering.
- Anda mempunyai sakit tumor adrenal (*phaeochromocytoma*)

Jika mengambil ubat-ubat lain

Penggunaan SHINALLERG EYE DROP bersama dengan ubat *Monoamine Oxidase Inhibitors* (MAOI) adalah dilarang. Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat titis mata yang lain.

Cara menggunakan SHINALLERG EYE DROP

Berapa banyak harus diambil

Untuk fasa akut, 1 titisan diperlukan untuk setiap tiga jam. Untuk fasa pemulihan, 1 titisan untuk 2-3 kali sehari adalah mencukupi. Bagi kanak-kanak, 1-2 titisan setiap hari adalah mencukupi

Bila perlu diambil

SHINALLERG EYE DROP perlu dititiskan mengikut arahan doktor.

Berapa lama perlu diambil

SHINALLERG EYE DROP perlu diberikan berdasarkan kepada arahan doktor. Jangan guna ubat ini melebihi 14 hari tanpa merujuk kepada doktor.

Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa satu dos, ambil dos itu secepat mungkin. Jika sudah beberapa jam selepas masa pengambilan ubat berlalu ataupun sudah mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Minta bantuan perubatan dengan segera jika anda atau orang lain mengambil terlebih dos.

Semasa menggunakan SHINALLERG EYE DROP

Perkara yang perlu dilakukan

Ikut arahan doktor anda semasa mengambil SHINALLERG EYE DROP.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jika anda memakai kanta sentuh, mereka perlu dikeluarkan dan tidak dimasukkan semula sekurang-kurangnya 15 minit. Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Gunakan ubatan ini dengan berhati-hati di kalangan pesakit warga tua dengan penyakit kardiovaskular, aritmia, tekanan darah tinggi tidak terkawal atau kencing manis. Jika gejala berterusan selama 3 hingga 4 hari, anda perlu berjumpa doktor.

Kesan-kesan sampingan

SHINALLERG EYE DROP boleh menyebabkan mengantuk, pening, berpeluh, menggeletar, sakit kepala, eksitasi otak atau kabur penglihatan. Pesakit mungkin mengalami rasa kepanasan / rasa pedih, perasaan-perasaan ini adalah sementara. Kesan-kesan sampingan yang jarang berlaku termasuk sakit dada, tekanan darah tinggi, peningkatan dalam kadar jantung dan hipersensitiviti.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan

Cara penyimpanan

Simpan pada suhu bawah 30 °C.

Cara pelupusan

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda berhenti menggunakan ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila bertanya kepada doktor atau ahli farmasi tentang cara pengendalian ubat yang tertinggal.

Melupuskan penitis air mata ini sebulan selepas dibuka.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Larutan jernih tanpa warna.

Bahan kandungan

Bahan Aktif:-

Tetrahydrozoline Hydrochloride
Antazoline Hydrochloride

Bahan-bahan Tidak Aktif:-

Benzalkonium Chloride
Sodium chloride
Hydroxypropyl Methylcellulose
Hydrochloric acid
Water for injection

Nombor MAL

MAL17107026AZ

**Pengilang dan Pemegang Pendaftaran
Produk**

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP :

28/02/2025

Nombor Siri:

NPRA(R2/1)250225/1421